


IPT mampu memperkasakan sukan negara



Noor Mohamad
Shakil
Hameed

MINDA INTELEK

LANGKAH proaktif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperuntukkan sejumlah RM43 juta bagi membiayai program pembangunan dan pembudayaan sukan di institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk penawaran biasiswa serta dana penyelidikan sukan dilihat sebagai satu usaha mantap ke arah memartabatkan sukan negara.

Peruntukan itu bukan kali pertama diadakan sebaliknya ia susulan peruntukan sebelum ini seperti dinyatakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, bahawa sejak inisiatif dana penyelidikan diperkenalkan pada 2007, KPT sudah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.4 juta untuk merancang lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan sukan oleh universiti tempatan.

Langkah terbaru itu pasti dapat merencanakan dan memperkasakan lagi mutu sukan negara di persada antarabangsa selain membuktikan komitmen kementerian untuk terus meningkatkan kecemerlangan sukan di IPT, sekali gus mengharumkan nama negara di mata dunia dalam bidang sukan.

Dalam merealisasikan hasrat ini, dua elemen penting yang menarik perhatian kita ialah penawaran biasiswa dan dana untuk penyelidikan sukan. Penawaran biasiswa



kepada atlet IPT melalui peruntukan sebegini ialah satu bentuk galakan dan sokongan kepada mereka yang berprestasi cemerlang serta berpotensi besar dalam bidang sukan.

Tahun lalu, seramai 178 atlet ditawarkan menerima biasiswa KPT membabitkan peruntukan RM10 juta, manakala tahun ini, pihak kementerian merancang untuk menawarkan pemberian biasiswa kepada 200 lagi atlet IPT dengan sejumlah peruntukan yang sama.

Usaha itu dilihat mampu membakar semangat dan menyuntik motivasi atlet muda kerana ia menyediakan masa depan yang lebih baik kepada atlet khususnya selepas bersara dari bidang sukan kelak.

Ini kerana kita perlu akur bahawa seseorang atlet itu tidak akan bergelar atlet untuk selamanya dan perlu bersara satu hari nanti atas beberapa alasan seperti faktor usia



Ramai dalam kalangan penuntut IPT berjaya mengharumkan nama negara dalam sukan yang mereka ceburi.

dan juga kecederaan. Persoalan sering timbul, apa hala tuju dan masa depan golongan ini yang hanya bergantung harap kepada dunia sukan semata-mata sebagai punca pendapatan?

Lebih malang jika kecederaan serius memaksa mereka untuk bersara lebih awal walaupun dari segi usianya mereka masih muda. Dalam hal ini kita juga perlu menerima hakikat bahawa tidak semua atlet berpeluang menjadi jurulatih untuk menampung kehidupan mereka selepas bersara sebagai atlet.

Usaha murni KPT itu membolehkan atlet sebegini mendapat peluang kedua untuk melanjutkan pengajian mereka sebagai bekalan berharga masa depan dengan pemberian biasiswa agar dapat merancang kerjaya dan masa depan mereka yang lebih baik dan terjamin.

Dengan segulung ijazah di tangan, mereka kelak bebas mencari peluang pekerjaan yang sesuai tanpa bergantung harap ihsan pihak Majlis Sukan Negara (MSN) untuk melantik mereka sebagai jurulatih.

dana biasiswa ini juga pastinya akan membuka mata ibu bapa untuk lebih menggalakkan anak-anak mereka menceburi dan meneruskan minat dalam bidang sukan yang diceburi.

Hal ini penting kerana masyarakat kita masih dibelenggu budaya lama iaitu bidang sukan semata-mata tidak menjanjikan masa depan yang cerah. Tambahan pula atlet kita belum lagi mencapai tahap dan taraf sehebat atlet antarabangsa yang menjadikan sukan sebagai profesion utama yang mampu memberikan pendapatan yang sangat lumayan.

Malah persekitaran sukan tanah air juga belum mampu menjurus ke arah era yang profesional seperti negara luar itu. Akibatnya majoriti atlet kita masih bergantung harap kepada elaun dan gaji yang secara relatifnya sangat sedikit dan tidak mencukupi.

Dengan adanya peluang biasiswa itu, kita percaya ibu bapa akan lebih yakin dan tampil berani melepaskan anak-anak mereka untuk terus terbabit dalam bidang sukan yang mereka minati kerana mereka turut



berpeluang melanjutkan pengajian mereka kelak. Ini pastinya akan menguntungkan negara kerana kita mampu melahirkan atlet pelapis bagi memenuhi tuntutan dan keperluan dunia sukan tanah air.

Selain itu, peruntukan besar untuk tujuan penyelidikan sukan juga bakal terus memartabatkan mutu sukan negara dan tahun ini, KPT menyerahkan dana penyelidikan berjumlah RM475,000 kepada tiga penyelidik iaitu Prof Madya Wan Aasim Wan Adnan dari Universiti Sains Malaysia; Dr Mohamed Najib Salleh (Universiti Utara Malaysia) dan Prof Dr Zahari Taha (Universiti Malaysia Pahang).

Kita percaya ia satu bentuk pelaburan jangka panjang untuk masa depan dunia sukan negara kita agar lebih mantap dan efektif secara kajian saintifik selain membangunkan standard sukan yang lebih canggih, moden dan profesional dalam pelbagai aspek sukan sebagai memenuhi tuntutan semasa.

Semoga usaha murni pihak KPT dengan kerjasama semua IPT, penyelidik, MSN dan juga ibu bapa bukan saja mampu melahirkan atlet yang berilmu dan berdikari tetapi juga atlet yang mampu cemerlang di peringkat antarabangsa demi memartabatkan mutu sukan negara kita.

Penulis ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat Universiti Putra Malaysia